


*Sejarah & perkembangan*

# KOSTUM BENUA ASIA



TEROKAI PENGALAMAN  
**INTERAKTIF**

IMBAS KOD QR &  
SAKSIKAN SENDIRI!

*Sejarah & perkembangan*  
**KOSTUM  
BENUA ASIA**



Azura Binti Hj. Alus  
Mohamad Shawal Bin Mustafa Kamal  
Siti Zaleha Binti Bakar

# PANDUAN PENGGUNAAN eBOOK AR

## Apa yang Anda Perlukan:

- Telefon pintar atau tablet dengan sambungan internet
- Pelayar web (contohnya: Chrome atau Safari)
- Peranti yang mempunyai kamera
- eBook ini (dipaparkan di skrin)

## Cara Melihat Kandungan AR:


- Cari ikon AR pada halaman-halaman tertentu dalam eBook ini.
- Ikon ini menunjukkan terdapat kandungan AR di halaman tersebut.
- Imej penanda (marker) atau kod QR akan dipaparkan berhampiran ikon AR.
- Gunakan imej atau kod tersebut untuk mengaktifkan kandungan AR.
- Imbas imej penanda atau kod QR menggunakan telefon pintar atau tablet anda.
- Pautan akan terbuka secara automatik dalam pelayar web anda.
- Benarkan akses kamera apabila diminta.
- Kandungan AR tidak akan berfungsi tanpa kebenaran kamera.
- Halakan kamera ke imej penanda di halaman.
- Kandungan AR (seperti model 3D atau animasi) akan muncul di skrin anda.

## Tips untuk Pengalaman Terbaik:

- Pastikan halaman atau skrin terang dan jelas.
- Pegang peranti dengan stabil semasa mengimbas.
- Pastikan imej penanda berada sepenuhnya dalam pandangan kamera.
- Gunakan mod landskap jika model terlalu besar.

## Penyelesaian Masalah:

- Jika tiada apa-apa muncul, cuba muat semula pelayar.
- Pastikan kebenaran kamera telah dibenarkan.
- Imbas penanda dari jarak yang sesuai (30–50 cm).



## HAK CIPTA TERPELIHARA KOLEJ KOMUNITI SELAYANG Edisi 2025

Hak cipta © 2025 Kolej Komuniti Selayang. Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbit semula, diedar atau dihantar dalam sebarang bentuk atau dengan lain tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit dan pemilik hak cipta.

Edisi Pertama: 2025

©2025 KOLEJ KOMUNITI SELAYANG

Perpustakaan Negara Malaysia  
**SEJARAH & PERKEMBANGAN KOSTUM BUDAYA**

eISBN: 978-629-99975-5-9

Diterbitkan oleh:

Kolej Komuniti Selayang

Persiaran Pegawai

KM 16, Jalan Ipoh

68100 Batu Caves

Selangor Darul Ehsan

Laman web: <https://kkseyang.mypolycc.edu.my/>

Tel: 03-61368200

# Prakata

Buku digital ini dihasilkan sebagai sumber rujukan asas dalam mengenali kepelbagaian budaya melalui pakaian tradisional yang unik dari Benua Asia. Dengan pendekatan visual ini diharapkan ianya mudah difahami dan sesuai dijadikan rujukan tambahan sama ada di bilik kuliah mahupun bengkel amali. Ia bukan sahaja membantu pelajar Sijil Fesyen dan Pakaian memahami budaya melalui pakaian, tetapi juga membangkitkan minat mereka terhadap konteks kostum yang mencerminkan identiti, nilai, dan evolusi masyarakat dari pelbagai zaman serta latar budaya.

Selamat membaca dan semoga bermanfaat.



# Kandungan

Pengenalan	<u>06</u>
Kostum budaya Asia Utara	<u>08</u>
Kostum budaya Asia Tengah	<u>13</u>
Kostum budaya Asia Tenggara	<u>19</u>
Kostum budaya Asia Selatan	<u>22</u>
Kostum budaya Asia Timur	<u>25</u>
Kostum budaya Asia Barat	<u>30</u>
Bibliografi	<u>35</u>

# Pengenalan

Asia merupakan benua terbesar yang bukan sahaja dari segi geografi, tetapi juga budaya, etnik dan warisan sejarah. Kepelbagaian melalui pakaian tradisional yang dipakai oleh masyarakat bukan sahaja berfungsi sebagai pelindung tubuh, malah melambangkan identiti, nilai, status sosial dan kepercayaan masyarakat setempat.

Dalam bab ini, pelajar akan mengenali pelbagai jenis kostum budaya dari enam wilayah utama di Asia: Asia Utara, Tengah, Timur, Tenggara, Selatan dan Barat. Setiap kawasan menampilkan gaya pakaian yang unik dan disesuaikan dengan iklim, tradisi serta amalan agama yang diwarisi sejak turun-temurun.



# Asia Utara



# Pakaian Lelaki Russian

- Gaya Umum:
  - \*Berbentuk tunik panjang (baju tanpa kolar)
- Ciri Reka Bentuk:
  - \*Potongan ringkas dan longgar,
  - \*Tambahan baji atau celah di sisi untuk keselesaan dan saiz,
  - \*Dihiasi dengan sulaman di bahagian dada dan lengan
- Aksesori:
  - \*Dipadankan dengan tali pinggang kain
  - \*Seluar panjang dan but kulit (terutamanya semasa musim sejuk)



# Pakaian Lelaki Russian



# Pakaian Wanita Russian

- Gaya Umum:
  - \*Memakai sarafan (gaun panjang tradisional).
- Jenis Sarafan
  - \*Sarafan bulatan: dipakai untuk majlis khas.
  - \*Sarafan pembajak: potongan ringkas untuk kegunaan harian
- Ciri Reka Bentuk:
  - \*Berwarna terang: merah, biru, hijau,
  - \*Dipakai di atas blaus lengan panjang yang berlapis,
  - \*Disulam atau dihiasi renda di bahagian kolar dan bawah pakaian
- Pelengkap:
  - \*Tudung atau penutup kepala (kerchief)
  - \*Kasut tradisional kulit atau kain



# Pakaian Wanita Russian



# Asia Tengah



# Pakaian Lelaki Uzbekistan

- Chapan adalah jubah panjang berlapis tebal (quilted), dipakai sebagai lapisan luar untuk cuaca sejuk.
- Tubeteika adalah topi tradisional berbentuk empat segi, biasanya bersulam dengan motif geometri.
- Ishton ialah seluar panjang longgar, sesuai untuk pergerakan harian.
- Tali pinggang digunakan untuk mengikat chapan di bahagian pinggang.
- Kasut kulit tinggi kebiasaannya berwarna hitam, tahan lasak dan sesuai untuk iklim padang pasir.



# Pakaian Lelaki Uzbekistan



# Pakaian Wanita Uzbekistan

- Khan-atlas adalah tunik panjang dan selvar lebar yang diperbuat daripada fabrik satin bersulam dengan benang emas.
- Selvar longgar ini dipakai bawah tunik untuk memberi keselesaan dan perlindungan.
- Penutup kepala tiga lapis:
  - \*Tang (penutup dalam).
  - \*Rumal (selendang ikat)
  - \*Parandja (penutup luar yang lebih labuh)
- Perhiasan emas dan perak adalah antara simbol status dan kecantikan, seperti rantai, anting-anting dan gelang.



# Pakaian Wanita Uzbekistan



# AR marker



**IMBAS KOD QR  
& AR MARKER**

(untuk menyaksikan  
visual animasi 3d)



# Asia Tenggara



# Pakaian Lelaki Filipina

- Kemeja panjang separas lutut.
- Diperbuat daripada kain nipis seperti kain nanas (piña), jusi, atau kain pisang.
- Bersulam halus di bahagian dada.
- Dipakai di luar seluar, tanpa dimasukkan.
- Warna cerah, biasanya putih atau krim.
- Dipakai dalam majlis rasmi seperti perkahwinan dan sambutan kebangsaan



# Pakaian Wanita Filipina

- Gabungan dua bahagian utama: baro (blus) dan saya (skirt).
- Baro merupakan pakaian yang mempunyai lengan besar berbentuk kipas (butterfly sleeves), fabrik lutsinar.
- Saya adalah skirt panjang berlapis-lapis dengan corak halus dan kadang-kadang dipadankan dengan pañvelo (selendang bahu) dan tapis (kain lilit pinggang).
- Gaya feminin dan anggun, menggambarkan pengaruh Sepanyol.



# Asia Selatan



# Pakaian Lelaki Bangladesh

- Fotua ialah baju ringkas tanpa kolar, biasanya dipakai untuk aktiviti harian.
- Lungi merupakan kain sarung yang dililit pada pinggang, dipakai secara santai di rumah atau di kampung.
- Panjabi ialah baju panjang berkolar, dipadankan dengan piyama (seluar longgar). Panjabi dan Piyama ini dipakai pada hari perayaan atau majlis rasmi.
- Warna: Biasanya warna-warna lembut atau putih untuk acara keagamaan.



# Pakaian Wanita Bangladesh



- Kain panjang Shari digunakan 5–9 meter yang dililit mengikut tradisi dan dipakai bersama blaus ketat (choli).
- Salwar Khameez merupakan baju panjang (khameez) bersama seluar longgar (salwar) dan selendang (dupatta); popular dalam kalangan wanita muda.
- Fabrik shari diperbuat daripada sutera, kapas, georgette dan fabrik yang ditenun sangat unik dan melambangkan seni tradisional di Bangladesh.
- Gaya: Dipakai dalam pelbagai acara — harian, kerja, perayaan dan perkahwinan.



# Asia Timur




# Pakaian Lelaki Korea

- Jeogori merupakan jaket di lapisan luar dan bahagian atas berlengan panjang, potongan lurus dan ringkas.
- Baji merupakan seluar longgar yang diikat di buku lali.
- Durumagi ialah jubah panjang luar dipakai pada musim sejuk atau majlis rasmi.
- Warna yang digunakan selalunya warna lembut atau gelap bagi menunjukkan ketenangan dan kesederhanaan.
- Aksesori yang digunakan adalah topi tradisional (gat) dan tali pinggang kain (daenim).



# AR marker



**IMBAS KOD QR  
& AR MARKER**

(untuk menyaksikan  
visual animasi 3d )



# Pakaian Wanita Korea

- Jeogori merupakan jaket di lapisan luar dan bahagian atasnya pendek, ketat dan berwarna cerah.
- Chima ialah skirt panjang dan lebar yang beralun dari bawah dada hingga ke bawah.
- Siluet melambangkan bentuk "loceng" yang anggun dan sopan.
- Warna yang digunakan warna ceria dan terang (seperti merah jambu, biru, kuning) bagi menunjukkan keceriaan dan status sosial.
- Aksesori yang digunakan pada wanita korea seperti reben besar (otgoreum), pin rambut, dan hiasan kepala (norigae).



# AR marker



**SCAN ME**  
**IMBAS KOD QR**  
**& AR MARKER**  
(untuk menyaksikan  
video)



# Asia Barat



# Pakaian Lelaki Arab



- Thawb (Jubah Panjang):
  - \*Berwarna putih (musim panas) atau gelap (musim sejuk).
  - \*Panjang hingga ke buku lali.
  - \*Longgar dan selesa untuk iklim panas.
- Bisht (Jubah Luar):
  - \*Dipakai untuk acara rasmi atau keagamaan.
  - \*Diperbuat daripada kain halus seperti sutera atau bulu ringan.
  - \*Dihiasi dengan sulaman emas atau perak.
- Ghutra dan eqal (Penutup Kepala):
  - \*Ghutra – kain segi empat, biasanya putih atau merah-putih.
  - \*eqal – gelang hitam yang memegang ghutra di kepala.
- Melindungi dari panas, pasir dan debu padang pasir



# AR marker



**IMBAS KOD QR  
& AR MARKER**  
(untuk menyaksikan  
visual animasi 3d )



# Pakaian Wanita Arab



## Abaya (Jubah Hitam):

- \*Longgar dan labuh, menutup seluruh badan kecuali muka, tangan dan kaki
- \*Simbol kesopanan dan kepatuhan kepada garis panduan agama
- \*Ada yang moden dengan sulaman atau potongan elegan

## Shayla / Hijab (Tudung Kepala):

- \*Tudung kepala yang dipakai bersama abaya, menutupi rambut dan leher wanita.
- \*Fabrik ringan seperti sifon atau kapas

## Niqab (Penutup Wajah):

- \*Digunakan oleh sesetengah wanita untuk menutup muka kecuali mata.

## Aksesori Tambahan:

- \*Kadang-kadang wanita arab mengayakan dengan kasut bertumit rendah, beg tangan kecil, atau perhiasan tangan yang sederhana.



# AR marker



**SCAN ME**  
**IMBAS KOD QR**  
**& AR MARKER**  
(untuk menyaksikan  
video)



# Bibliografi

- Lee, K. H. (2022). *Traditional Dress in Asia: Identity, Heritage and Globalisation.*
- Ahmed, S., & Rahman, N. (2021). *The Role of Traditional Clothing in Cultural Sustainability: A Case of South Asia.*
- Alfarsi, L. (2020). *Abaya and Beyond: Fashioning Modesty in the Gulf.*
- Lim, C. Y., & Tan, H. L. (2023). *From Barong to Batik: The Influence of Colonialism on Southeast Asian Dress.*
- Ivanov, A. (2020). *Russian Folk Costume: Preservation and Representation in the 21st Century..*



*Sejarah & perkembangan*  
**KOSTUM  
BENUA ASIA**

“Buku ini disusun khas untuk pelajar-pelajar bidang fesyen dan pakaian. e-Book ini bukan sekadar bacaan, tetapi satu penghargaan terhadap keindahan identiti masyarakat dunia yang membawa anda mengembara dan melintasi budaya melalui keunikan kostum tradisional Benua Asia”

Azura Hj. Alus



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-629-99975-5-9

Kolej Komuniti Selayang

